

Qalam

KDN 434

154 Dhu al-Hijjah 1382, Mei 1963, 60 sen

Perjumpaan Kadi-kadi di Seluruh Persekutuan

Bagi kali yang keduanya rancangan mengadakan pertemuan di antara kadi-kadi negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu yang dianjurkan oleh Selangor telah dibatalkan. Sebabnya adalah difahamkan kerana kurangnya sambutan dari kadi-kadi itu sendiri.

Latar belakang tujuan mengadakan perjumpaan itu adalah yang utamanya memikirkan perihal banyaknya perceraian dan perkara-perkara kahwin lebih daripada satu. Selangor, adalah telah menjalankan langkah-langkah untuk memperundang-undangkan perkara yang difikirkannya mustahak dibuat. Di Selangor, tiap-tiap seorang suami tidak boleh menceraikan isterinya melainkan di hadapan kadi dan perceraian itu hendaklah dipersetuju oleh isteri itu sendiri. Juga seseorang yang ada isteri, kalau mahu berkahwin lagi, mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran Pejabat Kadi setelah berpuas hati tentang keadaan dan kemampuannya. Keadaan peraturan yang berjalan di Selangor itu samalah seperti yang ada di Singapura yang berjalan hingga sekarang, yang dipandang adalah menyalahi kelulusan-kelulusan yang dibenarkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan juga bertentangan dengan syarak.

Mungkin, sebab-sebabnya maka kadi-kadi di lain negeri tidak berkenan untuk bersama-sama bermesyuarat adalah kerana mereka harus berfikir bahawa perkara yang hendak dibahaskan itu adalah berlawanan dengan syarak dan perkara yang berlawanan dengan syarak itu adalah telah pun dijalankan di Selangor.

Tujuan anjuran Selangor itu, harus dipandang oleh lain-lain negeri sebagai suatu tujuan mengajak mereka mempersetujukan perkara-perkara yang mereka tidak tergamak hendak melanggarnya kerana mereka masih takut kepada Allah dan rasul-Nya dan balasan-balasan pada hari kemudian.

Ini dapat ditelaah daripada beberapa siaran jabatan agama negeri-negeri itu sendiri. Kalau pembaca-pembaca perhatikan siaran Jabatan Agama Kedah, (ada sebahagiannya disiarkan dalam keluaran ini), terang dan nyata bahawa mereka menunjukkan tidak setuju dengan apa yang telah dijalankan di dalam sekatan berkahwin apa lagi dalam perkara cerai yang meminta izin terlebih dahulu-dahulu dari isteri.

Siaran-siaran yang diterbitkan oleh jabatan agama itu sebenarnya lembut kerana mereka tidak mahu menunjukkan bantahan. Mereka hanya memberi pandangan-pandangan sahaja di atas sesuatu perkara. Tetapi kalau dibaca dapatlah difaham bahawa mereka tidak sepandapat dan sependirian dengan perdirian Jabatan Agama Selangor.

Kita mengangkat tangan kepada kadi-kadi yang tegar perdirianya yang memandang bahawa tidak ada faedahnya mereka berhimpun merundingkan perkara-perkara yang boleh dipandang mengadakan sesuatu peraturan agama yang didasarkan kepada kemahuhan dan bertentangan dengan hukum syarak. Mudah-mudahan perdirian yang serupa ini kekal. Bahkan umat Islam berharap semoga Jabatan Agama itu terang-terang membantah di dalam perkara-perkara seperti itu dan tidak hanya memberi keterangan sahaja supaya umat, khususnya orang-orang umum, cukup mengetahui keadaan sesuatu hukum yang bakal dijalankan.

* * *

Sukarno dengan Telatahnya

Suatu perkara yang sangat menghairankan orang-orang di Tanah Melayu, dan juga harus di seluruh dunia, ialah telatah ucapan Sukarno sesudah ada persetujuan untuk mengadakan persidangan tiga kuasa di Manila yang akan dimulakan dengan Persidangan Menteri-Menteri Luar Negeri.

Ucapan Sukarno itu dengan tegas menyatakan bahawa ia terus membantah tertubuhnya Malaysia dan mengugut

Tunku Abdul Rahman bahawa ia akan menggunakan kekerasan, apabila sahaja Malaysia dibentuk.

Perbuatan Sukarno ini adalah mengeruhkan keadaan-keadaan yang mulai tenang. Perbuatan Sukarno sedemikian ini, bagi orang yang mengetahui keadaan-keadaan yang sebenar tentulah faham bahawa yang ditujukan Sukarno bukannya hendak menyerang Malaysia. Ini dapat dilihat daripada dasar luarnya yang diucapkan oleh Dutanya, Djatikoesoemo di Kuala Lumpur, bahawa Indonesia tidak berniat hendak menjajah Borneo Utara.

Kerana pertentangan ucapan ini, orang-orang faham, bahawa Sukarno adalah sengaja mencari jalan supaya umat Indonesia, dipengaruhi bahawa perjuangan Indonesia masih belum habis. Sekalipun rakyat telah menderita bahkan lebih menderita sesudah 19 tahun merdeka, dan kemerdekaan terus diperjuangkan.

Surat khabar dan majalah-majalah dikerah untuk menghebahkan perdirian ini. Tidak sebuah surat khabar yang dibenarkan mengkritik kedudukan Sukarno dan pemerintahannya. Walau pun penderitaan rakyat sebegitu besar, surat khabar-surat khabar di Indonesia tidak berani mengkritik. Kalau berani sahaja mengkritik, bukannya sahaja surat khabar itu ditahan penerbitannya tetapi jentera percetakannya sekali akan dirampas.

Pemimpin-pemimpin yang jujur, yang berani menegur Sukarno, ditangkap dan dikurung. Ini dilakukan kepada semua pemimpin dikecualikan Dr Mohammad Hatta. Dengannya Sukarno masih segan-segan sedikit tetapi di dalam pada itu Hatta sendiri hampir-hampir mendiamkan diri melihat penderitaan rakyat. Hatta takut kepada akibat-akibat yang akan dilakukan kepadanya.

Dalam masa rakyat Indonesia menderita, untuk meneguhkan perdiriannya, angkatan perang dibesarkan. Separuh lebih daripada hasil negara untuk angkatan perang. Alat senjata dibeli. Rusia membuka pintunya untuk menjual senjata-senjata untuk Indonesia.

Untuk menghadapi Irian Barat, angkatan bersenjata diperbesarkan. Hutang dan pesanan baharu senjata dibuat kepada Rusia. Apabila Irian Barat tamat pesanan (kontrak) pembelian senjata mesti ditunaikan dan hutang mesti dibayar. Rusia menuntut hutang-hutangnya sedang Amerika pula, yang menyedari akan susahnya rakyat Indonesia menahan bantuan ekonominya disebabkan wang yang berfaedah untuk rakyat, tidak singgah kepada menolong rakyat jelata tetapi beralih kepada pembayaran-pembayaran pembelian alat senjata kepada Rusia.

Untuk meribut-ributkan inilah perlu dicari jalan dengan ribut-ribut itu ditujukan supaya dunia tahu (terutamanya Rusia), bahawa pekerjaan mereka belum selesai. Dengan ini dapatlah ditarik perhatian untuk melambat-lambatkan bayaran hutang pembelian senjata itu.

Kerana itulah sekarang terbuka untuk buat ribut-ribut dengan keadaan rancangan persatuan negeri-negeri yang dahulunya di bawah tanah naungan dan jajahan Inggeris bersatu di dalam Malaysia itu menjadi bahan ribut-ribut dengan menggunakan peonnya, Azhari, untuk menjadi hujahnya sekalipun diketahui bahawa perbuatan Azhari tidak mendapat sokongan bukannya sahaja oleh penduduk-penduduk Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) tetapi juga di dalam negerinya sendiri Brunei.

Walaupun Sukarno mengetahui, ini tidak di dalam lingkungannya, namun ia terpaksa berbuat begitu untuk mencari dalih untuk melepaskan ikatan-ikatan kepada dirinya. Begitulah Sukarno dan siasatnya.

Sudah pada tempatnya Tunku menyatakan bahawa Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, tidak takut dan tidak mahu ambil tahu akan ugutan Sukarno, sebab Tunku dan orang-orang di Tanah Melayu mengenal Sukarno dari hujung kakinya hingga ke hujung rambutnya.

Hadapilah segala ugutan dari luar dan *Insha'Allah* rakyat akan kumpak¹ semuanya dikecualikan mereka-mereka yang menjadi tali barut dari luar yang bercita-cita mahu jadi anak emas.

¹ Perkataan yang sebenar adalah nampak